

11/08/2002

Fahaman tidak betul lemahkan Melayu

Syed Akbar Ali

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata bahawa kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa itu ditetapkan oleh budaya bangsa itu. Beliau menyebut contoh negara Eropah yang pernah menjadi kuasa besar seperti Portugis dan Sepanyol tetapi menjadi mundur apabila budaya lama mereka tidak dapat menyaingi ketibaan perubahan zaman moden di Eropah.

Perdana Menteri juga tepat mengenal pasti pengaruh budaya terhadap kemajuan bangsa Melayu. Tetapi penulis tidak setuju bahawa budaya asli orang Melayu menyebabkan kemunduran bangsa Melayu. Kita perlu membezakan budaya asli orang Melayu dengan budaya Melayu yang dipengaruhi fahaman timur tengah yang tiba kemudian.

Masalah orang Melayu sekarang disebabkan daripada fahaman agama yang masih tidak dapat membantu untuk memajukan orang Melayu. Ini juga bermaksud bahawa bukan saja orang Melayu tetapi sesiapa saja yang mempunyai fahaman agama yang sedemikian akan juga menjadi mundur. Apakah tesis ini benar?

Memang benar sekali bahawa di seluruh dunia, orang Islam termasuk dalam kelompok manusia yang hampir kesemuanya mundur dan jahil dalam banyak perkara. Walaupun di kalangan orang Islam terdapat ahli sains, pakar PhD serta pakar roket dan angkasa lepas, ia tidak membawa sebarang makna yang berguna kepada majoriti orang Islam atau masyarakat negara Islam. Mereka tetap mundur. Pakistan telah menghasilkan Dr Abdus Salam, pemenang anugerah Nobel dalam bidang fizik nuklear, tetapi Pakistan masih mundur.

Di negara Islam yang baru merdeka di Asia Tengah, mereka sedang menjalani proses kemunduran setelah rakyat mereka begitu maju sewaktu pemerintahan komunis yang atheis. Pada zaman pemerintahan komunis atheis, mungkin tanpa disedari, mereka telah menghabiskan banyak masa mengkaji ayat-ayat Allah seperti sains fizik, sains kimia, kejuruteraan, kemanusiaan dan sebagainya.

Pada waktu itu negara mereka aman dan damai dan semua orang diberi peluang mendapat pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perlindungan daripada jenayah dan keganasan.

Sekarang setelah mereka merdeka daripada Kesatuan Republik Sosialis Soviet atau USSR undang-undang negara tidak dihormati seperti dulu. Pelawat Malaysia ke Asia Tengah pernah melihat wanita diculik di depan mata dalam kesibukan kota raya tanpa sesiapa pun mahu membantu wanita malang itu.

Ekonomi mereka juga merosot. Mereka tidak kekurangan pakar dan orang yang berpendidikan tinggi tetapi profesor dan pensyarah universiti tidak dibayar gaji mengikut jadual tetap seperti dulu. Jabatan kerajaan tidak selaras dengan dasar-dasar yang menjanjikan kemajuan dan pembangunan bagi rakyat. Ini tidak beza daripada keadaannya di Kelantan dan Terengganu sekarang. Lama-kelamaan mereka akan menjadi mundur sama sekali. Dan besar kemungkinannya ulama politik akan muncul untuk menerajui 'negara Islam' pula.

Penulis pernah berjumpa seorang pemuda Islam berasal daripada bekas jajahan Russia ini yang pakar dalam matematik tetapi terpaksa mencari nafkah hidup dalam negara kita. Pemuda itu berjanggut dan sering ke masjid tetapi dia menyara hidup dengan menipu duit daripada pelawat Russia yang mempercayai nasihatnya untuk urusan jual beli di ibu negara.

Budaya mereka adalah berlainan sekali daripada budaya orang Melayu tetapi mereka mundur juga. Akan tetapi persamaannya ialah mereka mempunyai

fahaman mengenai agama yang juga tidak dapat membantu mereka mencapai kesenangan hidup.

Maha Suci Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai manusia, apa yang menipu kamu terhadap Tuhanmu? Yang telah menciptakan kamu lalu Dia menyempurnakan kamu lalu Dia jadikan kamu seimbang. Dalam apa saja bentuk yang Dia kehendaki, Dia menyusunmu." Surah 82: 6 - 8.

Maha Suci Allah telah mencipta manusia dengan sempurna dan seimbang dan menyusun manusia mengikut kehendak-Nya tetapi manusia yang telah ditipu untuk melupai Penciptanya. Maka tidak ada sebarang cacat cela pada orang Melayu, Uzbek, Tajik, Iran, Mesir, Somalia, Afghanistan atau Pakistan sebab semua manusia telah disempurnakan penciptaannya oleh Maha Suci Allah. Masalah kemunduran yang dihadapi semua orang yang disenaraikan ini yang amat berbeza budaya mereka adalah akibat daripada salah fahaman dalam agama.

Mereka semua lebih suka kepada agama 'ritualistic' atau agama yang menumpu kepada upacara yang juga berbeza sesama mereka. Dan mereka tidak suka kepada ayat ayat Allah yang serupa di seluruh dunia. Mereka telah ditipu terhadap Tuhan mereka.

Orang Russia yang bukan Islam pula, walaupun mereka juga menghadapi masalah, sedang melangkah kemajuan yang pesat dan akan muncul sekali lagi sebagai sebuah kuasa besar dalam masa yang singkat. Oleh kerana rakyat mereka sekarang diberi kebebasan untuk berfikir mereka akan lebih berupaya untuk mengatasi masalah dan cabaran yang bakal timbul.

Satu lagi contoh adalah Pakistan. Sewaktu penubuhan Pakistan, negeri Punjab di India telah dibahagi dua. Pada hari ini petani dan peladang Islam keturunan Punjabi di bahagian Pakistan menjadi miskin. Tetapi di bahagian India pula orang Punjabi beragama Sikh adalah antara petani dan peladang yang paling kaya di India. Bukan setakat itu saja tetapi India telah menghapuskan kebuluran dan menjadi pengeksport gandum, kacang dan bijirin utama dalam dunia.

Seorang bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa pernah berkata bahawa di seluruh dunia Islam, umat Islam hidup bermasalah. Mereka juga kerap menjadi orang yang menimbulkan masalah. Mengikut Rektor itu, mereka hidup dalam kemiskinan, permusuhan dan keganasan. Sudah tentu ini bukan contoh baik orang yang beriman atau orang yang Islam.

Rektor itu berpendapat mesti ada sesuatu yang tidak betul dengan semua orang ini. Ini adalah pendapat yang salah. Sebenarnya tidak ada sebarang cacat cela kepada sebarang bangsa yang menjadi ahli umat manusia. Jangan kita lupa bahawa Maha Suci Allah telah menyempurnakan penciptaan manusia.

'Common factor' atau perkara yang sama antara orang Islam yang bermasalah ini ialah fahaman agama mereka ataupun kekurangan fahaman yang betul terhadap Islam sebagai deen atau satu cara hidup yang sempurna. Inilah yang patut disuarakan oleh Rektor itu. Tetapi sebaliknya beliau telah menuding jari terhadap orang Islam sebagai salah pada hal Maha Suci Allah telah menjaminkan kesempurnaan umat manusia.

Tidak ada sebarang masalah dengan 'hardware' atau jasad dan otak orang Islam kerana 'hardware' ini adalah ciptaan Tuhan yang sempurna. Yang menimbulkan masalah ialah 'software' atau pengisian dalam otak orang Islam hasil daripada fahaman yang tidak betul yang merosakkan masa depan mereka. Jelas bahawa pengisian yang merosakkan ini bukan daripada Tuhan.

Walaupun Dr Abdus Salam mendapat anugerah Nobel dalam bidang fizik, ulama Pakistan tidak senangi Dr Abdus Salam kerana beliau adalah seorang Qadiani yang digelar ajaran sesat. Negara-negara seperti Pakistan, Turki dan Mesir mempunyai banyak pecahan mazhab yang sebahagiannya akan dianggap sesat oleh Pusat Islam dalam negara kita. Misalnya pengikut fahaman Syiah boleh dipenjarakan di Malaysia. Penulis pernah berjumpa seorang profesor di Universiti Islam Antarabangsa yang berasal daripada India yang

berpendapat orang Melayu telah menyelewengkan agama mereka. Profesor itu pula penganut fahaman Wahhabi.

Dalam negara kita ada golongan ulama yang mengkafirkan orang lain. Mereka juga sanggup menggelar orang lain terompah kayu.

Maka tidak hairanlah bahawa `common factor' atau persamaan di antara majoriti orang Islam di seluruh dunia ialah kemunduran hidup dan kemiskinan serta keganasan yang dialami setiap hari. Tidak kira orang Melayu, Indonesia, Afghanistan, Pakistan, Nigeria, Somalia, Uzbek, Mesir, Tajik atau Bosnia - apabila mereka idolakan ulama dan terjerumus dalam ikutan masing masing mereka menjadi miskin, terkeliru dan mengalami keganasan. Sebahagian daripada pemimpin agama mereka juga terlalu dungu.

Kita perlu bandingkan kemajuan dan pencapaian agung bangsa Melayu sebelum dan selepas kemunculan pengaruh fahaman agama yang keterlaluan dalam peradaban orang Melayu.

Jangan kita lupa Empayar Melayu yang dipelopori oleh sultan-sultan Melaka yang tersangat masyhur itu. Walaupun sultan-sultan Melaka beragama Islam, mereka tidak idolakan ulama ataupun lemas dalam fahaman yang keliru. Tidak pernah sultan-sultan Melaka menjalankan undang-undang rekaan ulama.

Kegemilangan Kesultanan Melaka tidak bergantung kepada ulama agama. Sebaliknya Kesultanan Melaka telah mencipta Undang-Undang Laut yang menjadi satu rangka undang-undang yang adil dan dihormati oleh saudagar-saudagar daripada Tanah Arab hingga ke negara China. Melaka menjadi begitu masyhur sehingga orang Eropah pun terbau akan kekayaan Melaka. Semua ini boleh berlaku ketika orang Melayu Islam berpegang teguh kepada budaya mereka yang tidak dicemari kekeliruan agama dan ajaran ulama songsang.

Kegemilangan dan potensi tamadun Melayu telah terserlah sekali lagi selama 21 tahun yang silam di bawah pimpinan Dr Mahathir. Dan seperti mana boleh disangka beliau tidak disenangi paling ramai ulama agama. Sebabnya ialah Dr Mahathir mempunyai fahaman yang lurus dan betul mengenai agama tanpa bergantung kepada sebarang ulama. Puak ulama yang tidak suka kepada beliau boleh menyelak kain untuk menunjuk perasaan mereka.

Maka tidak betul bagi kita menyalahi budaya sebagai bertanggungjawab terhadap kemunduran orang Melayu. Yang melemahkan orang Melayu dan semua orang Islam dalam dunia ini ialah fahaman agama yang tidak betul dan bukan kerana budaya mereka.